

16

Meningkatkan Kemahiran Interaksi Penulisan dalam Kalangan Murid

Sarifah Hassan

sarifah_hassan@moe.edu.sg
Sekolah Rendah West View

Abstrak

Kekurangan dan keterbatasan idea kadangkala menjadi hambatan dalam pengajaran interaksi penulisan. Dalam pengajaran interaksi penulisan, beberapa objektif pelajaran seperti berutusan, memberitahu dan meyakinkan harus dicapai. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengaplikasikan strategi IMBaKUK untuk membina kemampuan murid Darjah 4 hingga Darjah 6 dalam pembelajaran interaksi penulisan. Penerapan emosi dan penjanaan idea yang baik dapat merangsang murid menghasilkan hasil penulisan yang berkesan. Borang rubrik dan senarai semak digunakan untuk menilai prestasi murid.

Kata Kunci: interaksi penulisan, komunikasi dua hala



PENGENALAN

Guru-guru sering mendapati untuk mengajar kemahiran interaksi penulisan secara eksplisit ada kalanya agak merumitkan. Murid kekurangan idea untuk menyampaian maklumat dengan berkesan.

Oleh itu, kertas kerja ini akan mengajukan strategi IMBaKUK – akronim untuk *Idea, Mengapa, Bagaimana, Kesan, Ungkapan & Kesimpulan* merupakan salah satu strategi pengajaran yang akan digunakan untuk membina kemampuan murid Darjah 4 hingga Darjah 6 bagi pembelajaran kemahiran interaksi penulisan.

Walau bagaimanapun, guru bahasa Melayu harus membuat pertimbangan untuk memilih bahan yang meluas dan menyeluruh dari pelbagai genre, kandungan yang ingin diketengahkah, nilai dan perspektif agar dapat memberikan pengalaman pembelajaran bahasa yang baik dan mencukupi dalam pengajaran kemahiran interaksi penulisan.

PERNYATAAN MASALAH

Karangan yang ditulis murid kadang kala tidak menepati kehendak soalan dan kurang kreatif. Disebabkan oleh kurangannya upaya untuk membuat interpretasi terhadap soalan rangsangan, guru sentiasa perlu memberi panduan untuk memperkaya kosa kata dan memperbaikmutu penulisan dalam kalangan murid. Hal ini menyebabkan guru perlu meluangkan banyak masa untuk membimbing murid. Tambahan lagi, guru menghadapi kesulitan menyemak hasil penulisan murid kerana kurangnya isi dan juga terdapatnya banyak kesilapan bahasa dari segi pembinaan ayat.

TUJUAN KAJIAN

Pengajaran kemahiran interaksi penulisan agak menjenuhkan guru jika pemilihan teknik yang digunakan di dalam kelas kurang berkesan dan tidak menunjukkan kemajuan dalam kemahiran menulis murid.

Lazimnya, murid akan hanya menggunakan perkataan atau frasa yang



disediakan oleh guru. Bahkan, ada pula yang telah terbiasa dalam komponen ‘*Functional Writing*’ Kertas 1 bahasa Inggeris lalu menterjemah istilah-istilah Inggeris secara literal. Hal ini menjadikan mutu penulisan murid daripada pengembangan isi dan bahasa.

Justeru, tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. memantau keberkesanan strategi pengajaran kemahiran interaksi penulisan yang berstruktur; dan
2. meningkatkan hasil penulisan murid yang lebih baik dengan menggunakan teknik IMBaKUK

KAJIAN LEPAS

Aktiviti-aktiviti yang memberangsangkan seperti menonton video, dan berkongsi idea dapat memantapkan pengetahuan, meningkatkan pemahaman dan penguasaan Bahasa Melayu. Menurut Houle (1980) Pembelajaran berdasarkan pengalaman merupakan Pendidikan yang berlaku semasa penglibatan seseorang individu dalam kehidupan. Oleh itu penting bagi guru membimbing murid menghadapi masalah dalam penulisan karangan agar mereka tidak ketandusan idea dan kosa kata.

Salah satu cara pengajaran kemahiran interaksi penulisan merupakan penggunaan percikan kata dan memahami konteks dan situasi yang dapat membantu murid-murid menulis walaupun ada murid yang masih lemah dari segi pembangunan isi.

Menurut Steele (2008), penggunaan unsur pengajaran visual seperti peta minda dan penyusun grafik merupakan salah satu aktiviti pramenulis yang berkesan. Ini merupakan strategi berstruktur yang menunjukkan perkaitan idea. Dengan adanya informasi yang tersusun dan berkaitan antara satu sama lain, dapat membantu murid menyusun idea dengan lebih baik dan tersusun ketika menulis.

Abdullah (1996) pula menyatakan penulisan karangan berlandaskan ketepatan memberikan kenyataan pada tajuk, mempersembahkan isi atau buah fikiran,



penggunaan bahasa yang tepat serta gramatis, pengolahan, penyampaian dan pemerengganan merupakan satu penulisan yang baik. Untuk merangsang pembelajaran murid dalam interaksi penulisan, guru menggunakan teknik IMBaKUK seperti menyatakan idea, kesan daripada idea tersebut, penggunaan ungkapan menarik dan membuat kesimpulan bagi bagi membina kemampuan murid menulis.

KAJIAN LEPAS

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 4, 5 dan 6. Sebahagian besar daripada mereka mempunyai asas yang teguh dan kukuh bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Ramai di antara murid ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di rumah dan kurang membaca bahan dalam bahasa Melayu. Hanya Segelintir sahaja murid ini berupaya memperluaskan kosa kata, memahami dan menggunakan struktur bahasa yang baik dalam penulisan mereka kerana mereka banyak membaca.

Instrumen Kajian

Pemerhatian guru terhadap sikap dan penerimaan murid penting dalam kajian ini. Beberapa komponen akan diukur dalam pelbagai aktiviti perancangan yang dijalankan. Hasil karangan murid-murid dinilai dari segi isi dan bahasa untuk mengenal pasti kelakonan dan keperluan murid secara berterusan. Rubrik, senarai semak, peta minda, borang refleksi juga digunakan dalam proses mengarang agar dapat memperbaiki mutu penulisan murid bagi karangan selanjutnya. Maklum balas guru secara individu juga digunakan sebagai rujukan untuk memperbaiki mutu karangan.

Prosedur Kajian

Pada peringkat awal pengajaran, murid diperkenalkan kepada asas interaksi penulisan. Murid diajar tentang tatabahasa seperti kata ganti nama diri, kata tugas, dan sebagainya.



Sebagai wadah induksi, guru menayangkan komik yang berkaitan dengan tajuk karangan atau yang berkaitan dengan jenis soalan. Guru meneruskan pengajaran menulis karangan dengan mengutarakan strategi IMBaKUK. Contoh soalan panduan seperti yang berikut: sebagai panduan:

- **N**yatakan idea.
- **M**engapa idea itu sedemikian ?
- **B**a gaimana idea itu sedemikian?
- **K**esan kepada/daripada idea itu.
- **U**ngkapan menarik.
- **K**esimpulan.

Murid-murid juga boleh menerangkan cara bagi melahirkan emosi mereka dalam karangan untuk menambah nilai isi karangan. Proses ini juga dapat mencerminkan kebolehan murid berfikir secara kritis dan kreatif serta meningkatkan keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat, idea dan perasaan secara berkesan melalui penggunaan bahasa Melayu baku. Mereka juga didedahkan kepada frasa yang sesuai dan peribahasa dalam proses penulisan karangan dalam setiap perenggan.

Aktiviti terarah dan berpandu ini secara tidak langsung menyediakan peluang untuk murid mengumpulkan maklumat. Melalui proses penulisan yang bersistematis ini, mereka diharapkan dapat menggunakan bahasa Melayu baku secara berkesan dalam pelbagai konteks, tujuan dan khalayak.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang dikumpul banyak berdasarkan pemerhatian kualitatif. Berdasarkan pemerhatian dan pemantauan guru, murid menunjukkan sikap yang positif ketika melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan pramenulis karangan yang dijalankan. Melalui aktiviti yang dijalankan, murid dapat berfikir secara kritis dan kreatif, mereka cipta, menyenaraikan isi, berbincang bersama tentang sesuatu perkara melalui kerja secara berpasangan dan berkumpulan.

Berdasarkan maklum balas murid melalui borang rubrik dan senarai semak terdapat peningkatan dari segi penggunaan bahasa komunikatif, penggunaan kata ganti nama diri yang betul dan laras bahasa yang sesuai. Setelah



melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti proses menulis karangan, murid lebih fasih dan yakin berbahasa. Murid didapati lebih menunjukkan kecenderungan menulis setelah menjalani proses pramenulis IMBaKUK.

Peningkatan mutu dari segi pemerengganan juga dapat dilihat melalui teknik IMBaKUK. Daripada penelitian kertas karangan, penjanaan dan kesinambungan idea dalam karangan murid didapati lebih terserlah dan penyelewengan karangan jarang berlaku.

Strategi IMBaKUK, berjaya memperkaya kosa kata, meluaskan idea, menerapkan unsur keadaan dan emosi dalam penulisan murid. Dengan lain perkataan, kaedah ini berjaya merangsang murid untuk memperluaskan penerangan serta mengembangkan idea agar plot lebih padat dan gaya penulisan karangan mereka lebih kreatif. Melalui pemantauan tugas secara individu, murid juga berjaya membina ayat yang lebih gramatis.

KESIMPULAN

Dengan menggunakan pelbagai aktiviti, guru berupaya menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berstruktur, berkesan dan menyeronokkan. Aktiviti yang diadakan telah dapat membantu guru meningkatkan mutu pengajaran dan mencuba kaedah baharu. Secara tidak langsung, guru lebih memahami keperluan dan kebolehan anak didik mereka.

Murid-murid menunjukkan keghairahan dan kecenderungan untuk melibatkan diri secara aktif. Namun, kaedah yang dijalankan akan menunjukkan peningkatan yang lebih memberangsangkan jika diteruskan hingga ke peringkat Darjah 6.

Kajian ini dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran yang melibatkan murid secara aktif. Secara tidak langsung, guru lebih memahami keperluan dan kebolehan anak didik mereka.

Murid-murid menunjukkan keghairahan dan kecenderungan untuk menyumbang idea melalui proses mengarang yang lebih bersistematik dan terpandu. Walau bagaimanapun, strategi IMBaKUK ini akan menunjukkan



peningkatan yang lebih memberangsangkan jika dipupuk sejak murid di peringkat darjah satu lagi. Oleh itu, dicadangkan Kegiatan untuk menggunakan pelbagai teknik dan strategi dalam proses penulisan karangan boleh dijalankan secara konsisten setiap tahun. Guru-guru bahasa Melayu, termasuk guru-guru adjunct akan dilibatkan sama. Melalui wadah ini, guru dapat mengembangkan kreativiti pengajaran mereka.

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan:

- Noor Azleen Sarbini
- Suriani Abdul Bakri

RUJUKAN

- Abdullah Hassan (1996). *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan (2015). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015*.
- Kementerian Pendidikan (2014). *Peperiksaan Akhir Tahun Darjah Empat, Buku Maklumat, Panduan Membina Item Asas Bahasa Melayu*.
- Mott V. W. (2000). *The Development of Professional Expertise in the Workplace. New Directions for Adult and Continuing Education*, 2000: 23–31.
- Singapore Examinations and Assessment Board. (2014). *PSLE Information Booklet, Malay For Year of Examination from 2017*.
- Vanessa Steele (2008). *How to approach discursive writing*.
<http://www.teachingenglish.org.uk/think/write/discursive write.shtml>;

